

**KESAN LATIHAN FORMAL SEBAGAI MEDIATOR DALAM HUBUNGAN
ANTARA AMALAN PENGURUSAN KEJAT DENGAN PRESTASI
PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA**

SHAH ISKANDAR FAHMIE BIN RAMLEE

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

KESAN LATIHAN FORMAL SEBAGAI MEDIATOR DALAM HUBUNGAN
ANTARA AMALAN PENGURUSAN KEJAT DENGAN PRESTASI
PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA

SHAH ISKANDAR FAHMIE BIN RAMLEE

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah (Pengurusan)

Fakulti Pengurusan
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2017

DEDIKASI

Allah S.W.T

Di atas Kebesaran Mu yang mengurniakan minda dan kekuatan untuk berjuang
menyiapkan Tesis Doktor Falsafah ini

Arwah Bonda yang dikasihi

Pn. Hjh. Faridah Kaman

Nenda yang disayangi

Pn. Rasinah Hj. Ilias

Ayanda yang dihormati

En. Ramlee bin Yaacob

Yang amat memahami dan memberi semangat serta motivasi untuk menyiapkan
Tesis Doktor Falsafah ini

Kekanda dan Adinda Yang dihormati

Shahrul Nazrie

Mohd Faizal

Yang memberi sokongan untuk menyiapkan Tesis Doktor Falsafah ini

Pn.Aini Kaman (Ibu Saudara)

Prof. Madya Zaimah Darawi dan Keluarga

**Sahabat-sahabat (Faizal Salleh, Fikri, Kak Za, Kid, Hot Stuff Solidariti, Geng
Doraemon) dan rakan sekerja di UMK**

serta Sesiapa yang terlibat

Terima Kasih di atas segala bantuan dan sokongan moral kalian semoga anda
diberkati Allah S.W.T dan kejayaan ini adalah merupakan kejayaan bersama.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum....w.b.t

Salam sejahtera kepada semua. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan izinnya saya dapat menyiapkan projek sarjana ini dalam tempoh yang ditetapkan. Saya berasa berbesar hati dan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada individu-individu yang terlibat dalam kajian ini. Sekalung penghargaan jutaan terima kasih buat penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Norhani binti Bakri dan Prof Madya Dr Nik Hasnaa Nik Mahmod, di atas segala nasihat, teguran, bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan. Segala budi baik beliau akan saya hargai dan kenang sepanjang hidup saya. Rakaman penghargaan juga kepada para penilai yang memberi nasihat dan kritikan membina untuk meningkatkan lagi kualiti penulisan ini.

Seterusnya, ucapan terima kasih juga kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan(UMK) kerana memberikan peluang serta kebenaran untuk saya mengikuti pengajian di peringkat Doktor Falsafah dan menjalankan kajian ini. Begitu juga kepada semua kakitangan UMK yang terlibat dan memberikan kerjasama dalam membantu kelancaran kajian ini terutamanya Prof Madya Mohammad Dahlan Mahmod Mantan Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan(FKP) serta seluruh warga FKP. Tanpa kerjasama daripada semua pihak, kajian ini tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan jayanya.

ABSTRAK

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) pada masa kini beroperasi dalam persekitaran ekonomi yang pantas berubah dan keperluan pengguna yang tiada batasan. Keadaan ini memerlukan PKS menyediakan perkhidmatan yang cekap bagi mengelakkan pembaziran sumber dan amalan pengurusan kejut adalah salah satu alat yang boleh digunakan. Walau bagaimanapun, kajian mengenai amalan pengurusan kejut masih kurang, terutamanya ke atas PKS di sektor perkhidmatan. Kajian ini bertujuan untuk mencapai dua objektif utama, pertama untuk menyelidik amalan pengurusan kejut dan tahap penggunaannya oleh PKS di Lembah Klang, dan kedua, untuk mengkaji peranan latihan formal sebagai pengantara dalam hubungan antara amalan pengurusan kejut dan prestasi. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan sejumlah 220 borang soal selidik telah diedarkan dalam kawasan kajian. Model pengukuran telah diperiksa menggunakan PLS-SEM, dan data telah dianalisis menggunakan Korelasi Pearson dan Regresi Berganda. Penemuan utama adalah terdapatnya tujuh amalan pengurusan kejut yang dilaksanakan oleh PKS terdiri daripada pelan pengenalpastian pembaziran, orientasi budaya tarik, kepelbagaian fungsi sumber manusia dalam operasi perkhidmatan, penggunaan teknologi maklumat, keseragaman tugas, penglibatan pelanggan dan aliran di tempat kerja. Bagi setiap amalan, pengarah syarikat PKS menyatakan bahawa jabatan mereka melaksanakan amalan pengurusan kejut pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tiga amalan pengurusan kejut iaitu pelan pengenalpastian pembaziran, penglibatan pelanggan dan penggunaan teknologi maklumat dengan prestasi PKS. Pembolehubah latihan formal pula, memberikan sebahagian kesan sebagai pengantara antara tiga amalan pengurusan kejut tersebut dengan prestasi PKS. Secara teoritikal, kajian ini menyumbang kepada pembangunan teori dan pengetahuan dalam bidang ini, dengan mengenal pasti tiga amalan pengurusan kejut yang mempunyai kesan signifikan ke atas prestasi PKS, juga kesan pengantara latihan formal. Dapatan kajian juga menyumbang kepada kesedaran praktikal pemilik PKS bahawa mereka boleh melaksanakan amalan pengurusan kejut dengan latihan formal yang betul untuk mencapai prestasi yang lebih tinggi. Oleh itu, bagi kajian akan datang, perhatian perlu diberikan kepada dimensi pembangunan sumber manusia yang lain seperti penurunan kuasa kepada pekerja dan pembelajaran tidak formal untuk mencapai matlamat syarikat PKS yang lebih baik.

ABSTRACT

SME company currently operate in a rapid changing economics environment and unlimited consumer needs. This situations need SME to provide an efficient service to avoid the waste of resources and lean service practice is one of the tools that can be used. However, studies on lean service practices are still lacking, particularly those concentrated on the SME service sector. This study aims to achieve two main objectives, firstly to investigate lean service practices and the level of adoption by SME's in Klang Valley, and secondly, to examine the role of formal training as mediator in the relationship between lean service practices and performance. The study utilised quantitative method and a total of 220 questionnaires were sent out in the study area. The measurement model were examined using PLS-SEM whereas the data were subsequently analyzed using Pearson Correlation and Multiple Regression. A key finding is that there are seven lean service practices of SME consist of value stream mapping, pull oriented culture, multifunction of human resource in service operations, utilisation of information technology, standardization of work, customer involvement and workplace flow. For each practice, the director of the SMEs company stated that their departments adopted a high level of lean service practices. The finding also revealed that there are significant relationships among the three lean service practices namely, value stream mapping, customer involvement and utilisation of information technology and SME performance. Furthermore, the variables of formal training are partially mediated by the relationship between three lean service practices and the SME performance. Theoretically, this study contributes to the development of theories and knowledge in this field, by identifying three lean service practices as having significant influence on SME performance, as well as the mediating effect of formal training. The findings also contribute to the practical awareness among SME owner that they could implement lean service practices with proper formal training to achieve higher performance. Thus, for future research, attention must be given to other human resource development dimension such as the delegation of power to employees and informal learning to better achieve the goals of SME company.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xviii
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	3
	1.3 Pernyataan Masalah	7
	1.4 Persoalan Kajian	11
	1.5 Matlamat Kajian	11
	1.6 Objektif Kajian	12
	1.7 Skop Kajian	12
	1.8 Kepentingan Kajian	13
	1.9 Definisi Istilah	14
	1.9.1 Amalan Pengurusan Kejat	15

	1.9.2	Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)	15
	1.9.3	Prestasi Syarikat	15
	1.9.4	Latihan Formal	16
	1.10	Rumusan	16
2		SOROTAN LITERATUR	17
	2.1	Pengenalan	17
	2.2	Perusahaan Kecil dan Sederhana di Malaysia (PKS)	17
	2.2.1	Sumbangan Sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia	19
	2.3	Prestasi Syarikat	21
	2.3.1	Pengukuran Prestasi Syarikat	24
	2.3.2	Pengukuran Prestasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia	27
	2.3.2.1	SCORE	27
	2.3.2.2	Anugerah Enterprise 50 (e-50)	30
	2.3.3	Perkaitan Amalan Pengurusan Kejat dengan Prestasi	31
	2.4	Amalan Pengurusan Kejat: Gambaran Keseluruhan	37
	2.4.1	Definisi Kejat	39
	2.4.2	Konsep Kejat	41
	2.4.3	Prinsip-Prinsip Kejat dalam Sektor Perkhidmatan	43
	2.4.4	Pembaziran Kejat dalam Sektor Perkhidmatan	45
	2.4.5	Amalan Pengurusan Kejat	47
	2.4.6	Kajian Lepas Amalan Pengurusan Kejat	53
	2.5	Latihan Formal	59
	2.5.1	Perkaitan Latihan dengan Amalan Pengurusan Kejat	61
	2.4.2	Perkaitan Latihan dengan Prestasi	63
	2.6	Perkaitan Amalan Pengurusan Kejat, Latihan	

	dan Prestasi	66
2.7	Jurang Kajian Lepas	67
2.8	Teori Asas Kajian	68
	2.8.1 Teori Berasaskan Sumber	68
	2.8.2 Justifikasi Memilih Teori Berasaskan Sumber	72
2.9	Kerangka Kajian	72
2.10	Pembangunan Hipotesis Kajian	76
	2.10.1 Amalan Pengurusan Kejat dan Prestasi	76
	2.10.2 Hubungan Amalan Pengurusan Kejat, Latihan dan Prestasi	78
2.11	Rumusan	79
3	METODOLOGI KAJIAN	81
3.1	Pengenalan	81
3.2	Kaedah Pelaksanaan Kajian Secara Keseluruhan	81
3.3	Rekabentuk Kajian	83
3.4	Pembentukan Instrumen Kajian	84
3.5	Pembangunan Instrumen Kajian	85
	3.5.1 Pelan Pengenalpastian Pembaziran	86
	3.5.2 Susun Atur	87
	3.5.3 Kepelbagaian Fungsi Sumber Manusia	87
	3.5.4 Orientasi Tarik	88
	3.5.5 Aktiviti Bahagian Hadapan dan Belakang Syarikat	89
	3.5.6 Penglibatan Pelanggan	89
	3.5.7 Pembentukan Reka Bentuk dan Perkhidmatan Baru	90
	3.5.8 Penggunaan Teknologi Maklumat	90
	3.5.9 Penyeragaman Tugas	91
	3.5.10 Kepelbagaian Perkhidmatan	92
	3.5.11 Latihan Formal	93
	3.5.12 Prestasi Syarikat	94
3.6	Skala Pengukuran	95

3.7	Populasi dan Sampel Kajian	97
3.8	Prauji Instrumen Kajian	99
3.9	Kajian Rintis	101
3.10	Kaedah Pengumpulan Data	104
3.11	Ujian Kenormalan, Lineariti, dan Kemultikolinearan	105
3.11.1	Ujian Kenormalan	105
3.11.2	Ujian Data Terpencil Multivariat (Multivariate Outlier)	106
3.11.3	Ujian Kemultikolinearan	106
3.12	Kaedah Penganalisan Data	107
3.12.1	Statistik Deskriptif	107
3.12.2	Analisis Inferensi (Smart Partial Least Squares-SmartPLS)	108
3.13	Rumusan	111
4	ANALISIS DAN PENEMUAN KAJIAN	112
4.1	Pengenalan	112
4.2	Kadar Maklum Balas Borang Soal Selidik	112
4.3	Proses Saringan Data dan Andaian Multivariat	115
4.3.1	Andaian-andaian Multivariat	117
4.4	Maklumat Deskriptif Sampel Kajian	123
4.5	Analisis Inferensi (<i>Smart Partial Least Squares</i> <i>-SmartPLS-SEM</i>)	125
4.6	Keputusan Penilaian Model Pengukuran PLS-SEM	126
4.6.1	Kebolehpercayaan Item Individu	126
4.6.2	Kebolehpercayaan Ketekalan Dalam (<i>Internal Consistency Reliability</i>)	127
4.6.3	Kesahan Konvergen (<i>Convergent Validity</i>)	128
4.6.4	Kesahan Diskriminan (<i>Discriminant Validity</i>)	129
4.6.5	Model Pengukuran PLS-SEM dan Ringkasan Keputusan Penilaian	131

4.6.6	Pengubahsuaian Kerangka Kajian	132
4.6.7	Pengubahsuaian Hipotesis Kajian	133
4.8	Analisis Deskriptif	135
4.9	Penilaian Keputusan Model Struktural PLS-SEM	137
4.9.1	Penilaian Varians Pembolehubah Bersandar	139
4.9.2	Penilaian Kesan Saiz (<i>Effect Size</i>) (f^2)	140
4.9.3	Penilaian Ramalan Kerelevanan	141
4.9.4	Pengujian Mediator	141
4.10	Rumusan Dapatan Utama Kajian	144
4.11	Rumusan	146
5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	147
5.1	Pengenalan	147
5.2	Rumusan Kajian	147
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	150
5.3.1	Amalan Pengurusan Kejut yang diamalkan dalam kalangan Syarikat PKS	151
5.3.2	Persoalan Pertama dan Kedua Kajian: Persepsi Amalan Pengurusan Kejut yang diamalkan dalam kalangan PKS dan Persepsi Prestasi Syarikat PKS yang mengamalkan Amalan Pengurusan Kejut	152
5.3.3	Persoalan Ketiga Kajian: Hubungan Amalan Pengurusan Kejut dan Prestasi	154
5.3.4	Persoalan Keempat Kajian: Kesan Mediator Latihan Terhadap Amalan Pengurusan Kejut dengan Prestasi	158
5.4	Sumbangan Kajian	160
5.4.1	Sumbangan Akademia (Teori)	160
5.4.2	Sumbangan Praktikal	162
5.4.2.1	Pengaruh Amalan Pengurusan Kejut Terhadap Prestasi	162
5.4.2.2	Kesan Mediator Latihan	163

5.5	Batasan Kajian	164
5.6	Cadangan Kajian Masa Hadapan	166
5.7	Rumusan	167
RUJUKAN		169
Lampiran A - H		198-219

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Definisi Mengikut Saiz Operasi Perusahaan Kecil dan Sederhana	18
2.2	Sumbangan Perusahaan Kecil dan Sederhana kepada KDNK, Peluang Pekerjaan dan Jumlah Eksport Negara bagi tahun 2010 hingga 2015	21
2.3	Ringkasan Elemen Pengukuran Prestasi daripada Kajian Terpilih	26
2.4	Item Parameter bagi Pengukuran SCORE	28
2.5	Tahap SCORE dan Kriteria Penilaian	29
2.6	Ringkasan Kajian Empirikal Hubungan Amalan Kejut dan Prestasi	32
2.7	Pelaksanaan Amalan Pengurusan Kejut dalam Pelbagai Sektor Perkhidmatan	38
2.8	Amalan Pengurusan Kejut dalam Kajian Terpilih	49
2.9	Amalan Pengurusan Kejut dalam Kajian Lepas	55
2.10	Ringkasan Kajian Empirikal Hubungan Latihan dan Prestasi	64
2.11	Ringkasan Kajian Terpilih menggunakan Teori Berasaskan Sumber	71
3.1	Taburan Item Soal Selidik, Sumber dan Skala Pengukuran	85
3.2	Item dan Sumber Pelan Pengenalpastian	

	Pembaziran	86
3.3	Item dan Sumber Susun Atur Taburan Item Soal Selidik	87
3.4	Item dan Sumber Kepelbagaian Fungsi Sumber Manusia	88
3.5	Item dan Sumber Orientasi Tarik	88
3.6	Item dan Sumber Aktiviti Bahagian Hadapan dan Belakang Syarikat	89
3.7	Item dan Sumber Penglibatan Pelanggan	90
3.8	Item dan Sumber Pembangunan Reka Bentuk dan Perkhidmatan Baru	90
3.9	Item dan Sumber Penggunaan Teknologi Maklumat	91
3.10	Item dan Sumber Penyeragaman Tugas	92
3.11	Item dan Sumber Kepelbagaian Perkhidmatan	92
3.12	Item dan Sumber Latihan Formal	93
3.13	Item dan Sumber Prestasi Syarikat	95
3.14	Skala Lima Mata Likert	97
3.15	Definisi Mengikut Saiz Operasi Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana	97
3.16	Taburan Populasi Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana Sektor Perkhidmatan	99
3.17	Keputusan Pra Ujian Instrumen	100
3.18	Analisis Kebolehpercayaan dan Kesahan Kajian Rintis (n=30)	102
3.19	Korelasi Pembolehubah Bebas Kajian	103
3.20	Tahap Skor Min Pembolehubah Kajian	108
3.21	Kaedah Analisis yang Digunakan bagi Setiap Objektif	111
4.1	Pengagihan dan Penerimaan Borang Soal	

	Selidik Daripada Responden Kajian	113
4.2	Keputusan Ujian Khi-Kuasa Dua Bias Maklum Balas Antara Maklum Balas Awal dan Lewat	115
4.3	Keputusan Statistik Kependongan dan <i>Kurtosis</i> bagi Semua Pembolehubah	117
4.4	Keputusan Ujian Kehomoskedastian Pembolehubah Utama Kajian	120
4.5	Korelasi Pearson bagi Semua Pembolehubah Bebas (n=206)	121
4.6	Pengujian Multikolineariti Amalan Pengurusan Kejat (n=206)	122
4.7	Taburan Responden Mengikut Profil Individu (n=206)	123
4.8	Taburan Responden Mengikut Profil Syarikat (n=206)	124
4.9	<i>Standardized Loading</i> , Kebolehpercayaan Komposit, dan <i>Average Variance Extracted</i>	127
4.10	Korelasi Konstruk Bebas dan Punca Kuasa Dua <i>Average Variance Extracted</i>	129
4.11	Muatan Silang (<i>Cross Loading</i>)	130
4.12	Pembolehubah Kajian Sebelum dan Selepas Analisis Penilaian Model Pengukuran PLS- SEM	132
4.13	Pengubahsuaian Hipotesis Kajian	133
4.14	Statistik Deskriptif Pembolehubah Utama Kajian (n=206)	137
4.15	Model Struktural Perantaraan (Model Keseluruhan)	138
4.16	<i>Variance Explained</i> dalam Pembolehubah Bersandar	139
4.17	Kesan saiz Pembolehubah Tidak Bersandar Menurut Cadangan Cohen (1988)	140

4.18	Pembolehkan <i>Cross-Validated Redundancy</i>	141
4.19	Analisis Signifikan Hubungan Langsung Tanpa Mediator	142
4.20	Dapatan Analisis Hubungan Mediator	143
4.21	Keputusan Pengujian Hipotesis Hubungan Amalan Pengurusan Kejat dengan Prestasi	144

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Gambarajah Rumah Sistem Pengeluaran Toyota yang diadaptasi daripada kajian Bryan Wang (2011)	41
2.2	Konsep Amalan Pengurusan Kejut Adapatasi daripada Kajian Arlbjørn <i>et al.</i> , (2008)	42
2.3	Model Kajian Hubungan Amalan Pengurusan Kejut dengan Prestasi dan Mediator Latihan Formal	75
3.1	Kaedah Pelaksanaan Kajian Secara Keseluruhan	83
4.1	Plot Serakan Amalan Pengurusan Kejut dengan Prestasi	118
4.2	Pendekatan Dua Langkah Penilaian Model Laluan PLS Sumber:(Henseler <i>et al.</i> , 2009)	126
4.3	Model Pengukuran PLS-SEM	131
4.4	Pengubahsuaian Model Kajian Amalan Pengurusan Kejut dengan Prestasi dan Mediator Latihan	133
4.5	Model Struktural PLS-SEM	137

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	198
B	Analisis Deskriptif Demografi Responden	204
C	Ujian Khi-Kuasa Dua – Bias Maklum Balas Antara Respons Awal Dan Lewat	206
D	Analisis Ujian T Bias Maklum Balas Respon Awal Dan Lewat	210
E	Ujian Andaian-Andian Multivariat (Kenormalan, Kelinearan, Kehomoskedastian Dan Kemultikolinearitan)	211
F	Analisis Min Dan Sisihan Piawai Dan Analisis Korelasi Pearson Pemboleh Ubah Utama Kajian	217
G	Contoh Surat Permohonan Penilaian Soal Selidik	218
H	Contoh Surat Permohonan Mendapatkan Data Kajian	219

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) pada masa kini beroperasi dalam suasana ekonomi global yang tidak menentu, perubahan pantas teknologi dan kehendak pengguna yang tidak terbatas serta sentiasa berubah (Mohd Rose, Mohd Deros dan Abdul Rahman, 2009; Alsmadi et. al, 2012; Qing Hu et.al, 2015). Keadaan ini menuntut syarikat untuk memberikan perkhidmatan mereka dengan cekap, pantas serta berkesan untuk mengelakkan pembaziran sumber dan peningkatan kos dalam operasi harian mereka (Dahlggaard dan Dahlggaard-Park, 2006; Erwin et. al, 2016). Kegagalan syarikat memberikan perkhidmatan yang berkualiti menyebabkan pengguna akan hilang kepercayaan dan beralih kepada syarikat yang lain untuk mendapatkan perkhidmatan. Selain itu, menurut Alsmadi *et al.*, (2012) pasaran yang kompetatif dan berdaya saing telah menyebabkan syarikat pada hari ini perlu berubah daripada amalan perkhidmatan tradisional yang melibatkan banyak proses dan pembaziran sumber kepada amalan perkhidmatan yang lebih efektif, efisien dan cekap demi memastikan kelangsungan operasi syarikat dalam pasaran. Kegagalan syarikat untuk berubah akan menyebabkan mereka ketinggalan.

Oleh itu, amalan pengurusan kejut telah dikenalpasti sebagai salah satu inisiatif penambahbaikan untuk menyingkirkan pembaziran (Womack dan Jones, 1996; Taylor, Bortolotti dan Romano, 2012; Erwin et. al, 2016) dalam aliran, proses dan operasi dalaman sesebuah syarikat. Selain itu, dengan menggunakan prinsip

kejat pembaziran seperti kos, masa dan usaha pekerja dapat dielakkan. Malah, terdapat ramai pengkaji yang berminat untuk memahami pengurusan operasi sesebuah syarikat terutamanya dalam sektor perkhidmatan (Papadopoulos, Radnor dan Merali, 2011; Abdul Hamid, 2011; Arfmann, Federico dan Barbe, 2014; Andres-Lopez, Gonzalez-Requena dan Sanz-Lobera, 2015; Erwin et.al, 2016) dengan mengadaptasi prinsip kejut daripada sektor perkilangan yang turut dikenali sebagai amalan “kelas dunia” (Cook dan Verma, 2002).

Hayes dan Wheelwright yang telah menggunakan amalan “kelas dunia” ini buat pertama kalinya pada tahun 1984 mendapati wujud impak yang signifikan ke atas prestasi syarikat (Flynn, Schroeder dan Flynn, 1999, Wormack dan Jones, 2003) dan merupakan inisiatif yang efektif (Näslund, 2013) serta mantap (Kollberg, Dahlgaard dan Brehmer, 2007) dalam memenuhi kehendak pelanggan. Kejayaan pelaksanaan kejut sebagai salah satu mekanisme perubahan syarikat turut dibantu oleh faktor lain. Faktor yang telah dikenalpasti adalah latihan.

Latihan sebagaimana yang dinyatakan oleh Jacobs (2002) berfungsi untuk menyediakan latihan kecekapan yang bersesuaian dengan amalan dan prinsip kejut malah latihan turut digunakan oleh syarikat multinasional (Osman-Gani dan Jacobs, 2004) dalam membantu melatih pekerja mereka untuk menghadapi persekitaran yang sentiasa berubah serta menjalankan proses perubahan syarikat dan mengekalkan sesuatu perubahan (Cummings dan Worley, 2005).

Dalam kajian ini, fokus diberikan kepada sektor perkhidmatan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berdasarkan kepada sumbangannya dalam pembangunan ekonomi negara (Azizi, Khairun Nisa, Abdul Shukor, 2014; SME Corp. Malaysia, 2016) dan persaingan kompetatif yang dihadapi kesan daripada fenomena globalisasi (Allway dan Corbett, 2002; Piercy dan Rich 2009; Andres-Lopez et. al, 2015; SME Corp. Malaysia, 2016). Bukan itu sahaja, kesan globalisasi turut memerlukan PKS memberikan perkhidmatan pada tahap yang tinggi (Cagnazzo, Taticchi dan Brun, 2010) serta efisien selain mengadaptasi perubahan teknologi yang pantas (D'Aleo, Stebbins, Lowe, Lees dan Ham, 2007). Selain itu, peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan berkualiti pada kos yang rendah memaksa pihak pengurusan mencari

penyelesaian yang terbaik (Allway dan Corbett, 2002). Bagi memastikan PKS sentiasa kompetatif dalam pasaran, perkhidmatan perlu dipertingkatkan dan PKS digalakkan mengaplikasikan amalan kelas dunia iaitu kejut dalam pengurusan strategi operasi mereka. Ini kerana melalui pelaksanaan amalan pengurusan kejut yang tepat keupayaan untuk sesebuah syarikat memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi pada kos yang kompetatif akan tercapai (Nasution dan Mavondo, 2008).

1.2 Latar Belakang Kajian

Situasi semasa yang mencabar dengan permintaan pengguna yang tidak terbatas, kos yang meningkat dan sumber yang semakin berkurangan memerlukan sesebuah syarikat untuk berubah menjadi lebih cekap serta efisien dalam menjalankan operasi mereka terutamanya dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan. Oleh itu, amalan pengurusan kejut telah dikenalpasti sebagai salah satu inisiatif penambahbaikan dalam perubahan syarikat yang mempunyai kaitan dengan pengurusan kualiti. Amalan pengurusan kejut juga telah mendapat penekanan yang serius pada masa kini terutamanya di dalam sektor perkhidmatan. Penekanan terhadap amalan ini berdasarkan kepada keunikan dan kelainannya berbanding konsep *Total Quality Management*, *Six Sigma*, *Flexibility* dan *Agility* yang juga merupakan cabang dibawah bidang pengurusan kualiti (Kosuge, Holm, Modig dan Ahlstrom, 2009).

Amalan pengurusan kejut memberikan penekanan kepada prinsip "*to do more with less*" yang membawa maksud mengurangkan pembaziran dengan mempertingkatkan nilai tambah kepada pelanggan dan prinsip tersebut merupakan pengadaptasian daripada Sistem Pengeluaran Toyota (Toyota Production System (TPS)) (Womack, Jones, and Roos, 2003). Sistem ini telah diwujudkan oleh Taichi Ohno pada tahun 1970, apabila kebanyakan syarikat di barat pada awal perkembangan sektor perkilangan bergantung kepada pengeluaran secara besar-besaran dan pemeriksaan kualiti hanya dilakukan pada peringkat akhir sahaja.

Produk pula hanya dinilai pada peringkat pertama. Kesannya telah menyebabkan berlaku peningkatan dalam inventori, kualiti produk yang rendah dan peningkatan dalam masa bekerja. Bukan itu sahaja, syarikat terpaksa mengambil lebih ramai pekerja terutama dalam menguruskan kualiti dan kesannya berlaku pembaziran masa dan wang (Kevin, 2009). Oleh kerana berlaku peningkatan kos dan pembaziran dalam sistem sedia ada, inisiatif telah diambil oleh Taichi Ohno untuk memperkenalkan satu sistem yang rendah kos namun tinggi kualitinya dalam penghasilan produk iaitu Sistem Pengeluaran Toyota (TPS) (Eckes, 2000).

Dalam sistem ini terdapat lima prinsip asas kejut yang perlu diberikan perhatian untuk memastikan pelanggan mendapat nilai tambah (Coleman, 2008; Andres-Lopez et. al, 2015) iaitu:-

1. Mengenalpasti penilaian pelanggan – mendapatkan pandangan daripada pelanggan
2. Mengenalpasti aliran penilaian – memahami keseluruhan aktiviti yang terlibat dalam sesuatu proses
3. Pembangunan aliran proses – mengurangkan gangguan semasa proses dijalankan
4. Menggunakan teknik tarik (pull) – pelarasan dengan permintaan pelanggan
5. Berusaha ke arah kesempurnaan – matlamat pembaziran sifar

Prinsip ini telah dipraktikkan selama lebih daripada 40 tahun dalam sektor pengilangan di Jepun dengan fokus diberikan untuk menghasilkan produk yang berkualiti tinggi dan mengurangkan masa menunggu. Mereka percaya keadaan ini akan mempertingkatkan kepuasan pelanggan (Eckes, 2000; Andres-Lopez et. al, 2015) dan juga prestasi syarikat.

Evolusi serta pembangunan prinsip kejut telah menarik perhatian banyak pihak untuk mengaplikasikannya dalam sektor perkhidmatan (Hines, Holweg dan Rich, 2004) melalui penerapan pemikiran. Ini kerana perkhidmatan bersifat tidak boleh dilihat, tidak boleh disentuh dan tidak boleh diukur (George 2003; Andres-Lopez et. al, 2015). Oleh itu, perkhidmatan tidak boleh diperbaiki dengan menggunakan teknik dan alat kejut sahaja tetapi perlu diterapkan melalui pemikiran.

Pengenalan prinsip keajaiban sebagai Pemikiran Keajaiban (Womack dan Jones, 2003) telah membolehkan sektor perkhidmatan mengamalkan inisiatif peningkatan berharga ini secara meluas (George, 2003). Buktinya, De Souza (2009) dalam kajiannya menyatakan sektor perkhidmatan di Jepun, Amerika dan Eropah telah mula mengaplikasikan amalan pengurusan keajaiban yang turut dikenali sebagai amalan pengurusan kualiti kelas dunia malah menurut Wael Hadid dan Mansouri (2014) terdapat peningkatan dalam kajian perkhidmatan keajaiban bermula daripada tahun 2004.

Kebanyakan kajian yang telah dilakukan memberikan fokus ke atas sektor perkhidmatan seperti kesihatan (hospital), pelancongan, pendidikan dan kewangan. Sementara itu, kajian kes mengenai prinsip keajaiban dari sudut teknik dan alat merupakan bentuk kajian yang kerap dijalankan berbanding kajian berbentuk soal selidik malah penyelidikan terbaru hanya mengkaji pemindahan keajaiban dari hospital swasta ke hospital awam. Perkara ini berlaku kerana perkhidmatan keajaiban merupakan bidang penyelidikan yang masih bidang baru (De Souza, 2009; Alsmadi et.al, 2012; Wael dan Mansouri, 2015) dari segi pengadaptasian dan pengimplimentasiannya.

Walaupun bagaimanapun, kajian berkaitan dengan sektor perkhidmatan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) masih kurang sedangkan sektor ini berperanan sebagai salah satu agen pembangunan ekonomi bagi sesebuah negara sering diperkatakan. PKS didapati mampu meningkatkan pengeluaran negara, mewujudkan peluang pekerjaan (Azizi, Khairun Nisa, Abdul Shukor, 2014), mengintegrasikan antara firma, menjana eksport serta mampu membantu dalam proses pengeluaran sesebuah industri sama ada berskala sederhana mahupun besar (Suhaila, Suhaily, Muhammad, 2014). Malah, semua negara maju dan membangun telah mengiktiraf kepentingan pembangunan PKS. Contohnya, di India dan Indonesia PKS berperanan sebagai inkubator untuk membangunkan perusahaan tempatan menjadi syarikat besar disamping membantu mencapai pertumbuhan ekonomi. Sementara itu, di negara Asia yang maju seperti Jepun dan Republik China pula, PKS menyumbang kepada KDNK melebihi 55% berbanding PKS di Malaysia yang hanya menyumbang sebanyak 36.7% pada tahun 2015 (SME Corp. Malaysia, 2016). PKS juga berperanan menyediakan pelbagai aktiviti yang boleh bertindak sebagai

pemangkin kepada pertumbuhan bidang baru dan seterusnya meluaskan lagi kegiatan asas ekonomi.

Bukan itu sahaja, pembangunan PKS telah dijadikan sebagai salah satu keutamaan negara dengan mensasarkan peningkatan sumbangan PKS kepada KDNK daripada 32.2% pada tahun 2010 kepada 36.7% pada tahun 2015 dan nilai eksport pula daripada 16.4% kepada 18.9% dan peluang pekerjaan daripada 57.1% kepada 67% pada tahun 2015 (SME Corp. Malaysia, 2016). Bukan itu sahaja, sumbangan PKS yang mencakupi 99.2% daripada jumlah pertumbuhan perniagaan dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada lebih 5.6 juta pekerja, dapat menyokong sasaran kerajaan mencapai pembangunan ekonomi yang seimbang dan peningkatan taraf hidup yang lebih tinggi bagi setiap lapisan masyarakat (SME Corp. Malaysia, 2016). Bagi memastikan sasaran ini tercapai amalan kejut yang berteraskan kepada pengurangan pembaziran dan meningkatkan kepuasan pelanggan boleh digunakan dalam operasi syarikat PKS.

Tambahan pula, syarikat PKS berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk terus berkembang dalam pasaran tempatan dan antarabangsa. Cabaran-cabaran tersebut termasuklah kekurangan pekerja mahir, produktiviti pekerja yang rendah, kapasiti PKS yang terhad untuk beroperasi dalam era globalisasi dan persaingan sengit daripada firma di China dan India (Ting 2004; Zhen dan Williamson 2003).

Oleh itu, sudah pasti penting bagi PKS untuk memperbaiki prestasi syarikat mereka melalui pengadaptasian amalan pengurusan kejut yang telah dikenalpasti sebagai amalan terbaik abad ke-21 (Papadopoulos *et al.*, 2011; Mohd. Rose *et al.*, 2009). Pemberian latihan kepada modal insan mereka pula (Valle, Castillo dan Rodriquez-Duarte, 2009) adalah bertujuan bagi memastikan pelanggan dapat menikmati perkhidmatan yang berkualiti.

1.3 Pernyataan Masalah

Amalan pengurusan kejut telah dikenalpasti dan dipersetujui oleh ramai pengkaji sebagai salah satu mekanisme kelas dunia untuk mengurangkan pembaziran dan meningkatkan nilai tambah kepada pelanggan (Mohd Rose *et al.*, 2009; Abdul Hamid, 2011; Suárez-barraza *et al.*, 2012). Pengaplikasian amalan pengurusan kejut yang tepat akan membantu sesebuah syarikat untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti serta memberikan impak yang positif ke atas prestasi syarikat (Mohd Rose *et al.*, 2009; Papadopoulos *et al.*, 2011).

Kejayaan pengaplikasian amalan pengurusan kejut dalam menyelesaikan masalah syarikat untuk menjadi lebih cekap dapat dilihat dalam kajian yang dijalankan ke atas sektor perkhidmatan kesihatan, terutamanya di hospital awam dan swasta (Kollberg *et al.*, 2007; Radnor dan Walley, 2008; Dickson *et al.*, 2009; Suárez-barraza *et al.*, 2012). Selain itu, kajian turut dijalankan dalam bidang lain seperti pendidikan (Comm dan Mathaisel, 2005; Hines dan Lethbridge, 2008; Andres-Lopez *et al.*, 2015), pelancongan (Julien dan Tjahjono, 2009) serta lain-lain jenis perkhidmatan (Maleyeff, 2006; Piercy dan Rich, 2009) dan didapati berjaya.

Namun begitu, kajian berkaitan amalan pengurusan kejut dan kejayaan pelaksanaannya dalam sektor perkhidmatan perusahaan kecil dan sederhana masih kurang sedangkan sektor perusahaan kecil dan sederhana merupakan penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi negara (Womack *et al.*, 1990; Womack *et al.*, 1996; Achanga, Shehab, Roy dan Nelder, 2006; Mohd. Rose *et al.*, 2009; Andres-Lopez *et al.*, 2015). Selari dengan Pelan Induk SME Malaysia 2012-2020 pada tahun 2012 mendapati PKS telah memberikan sumbangan yang besar kepada bidang perniagaan dengan 99.2% daripada jumlah pertumbuhan perniagaan negara.

Malahan, berdasarkan kepada statistik tahun 2015, PKS telah menyumbang sebanyak 36.7% daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar, 67% peluang pekerjaan dan 18.9% eksport negara. Daripada jumlah ini, 91% PKS beroperasi dalam sektor perkhidmatan diikuti oleh perkilangan (8%) dan pertanian (7%).

Kenyataan ini, membuktikan bahawa sektor perkhidmatan perusahaan kecil dan sederhana memberikan sumbangan yang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara. (Jabatan Perangkaan Negara, 2015).

Hasil temuramah bersama Yang Berbahagia Dato' Haji Ahmad Fadzil Mahmud Mantan Timbalan Ketua Pengarah 1 Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 15 Mac 2014. Beliau telah menyatakan bahawa:

“Pihak MPC telah menjalankan beberapa siri Bengkel Pengurusan Kejut yang mana pesertanya adalah terdiri daripada syarikat PKS khususnya sektor perkhidmatan. Melalui bengkel ini, peserta telah didedahkan dengan amalan pengurusan kejut yang dapat meningkatkan prestasi.. Hasil “follow-up” yang dijalankan mendapati syarikat yang melaksanakan amalan pengurusan kejut menunjukkan peningkatan dalam prestasi syarikat mereka malah tingkahlaku mereka juga berubah ke arah yang lebih baik. Pihak MPC akan terus melaksanakan bengkel ini ”.

Walaubagaimanapun, ketiadaan sumber kewangan yang cukup, tenaga pekerja yang mahir, teknologi yang terkini dan pasaran yang luas (White, Pearson dan Wilson, 1999; Achanga *et al.*, 2006; Mohd Rose *et al.*, 2009; Omar, Arokiasamy dan Ismail, 2009; Khalique, Hassan Md. Isa, Abdul Nassir Shaari dan Ageel, 2011; SME & Entrepreneurship Magazine Online, 2012) menyebabkan syarikat PKS berhadapan dengan masalah untuk terus bersaing dipasaran global yang kompetitif tidak kira di mana lokasi mereka.

Masalah-masalah yang wujud ini telah menyebabkan berlakunya pembaziran seperti kelewatan membuat keputusan, penilaian yang lama, kesilapan membuat keputusan, pertindihan kerja, pergerakan yang merugikan, ketidakcekapan sumber, ketidakcekapan pemprosesan dan kreativiti yang tidak digunakan (Alsmadi *et al.*, 2012) dalam kalangan syarikat PKS.

Bukan itu sahaja, pembaziran ini juga telah memberikan kesan ke atas prestasi syarikat di mana prestasi kewangan, kepuasan pelanggan, inovasi dan pertumbuhan pengetahuan serta prestasi dalaman perniagaan menurun yang

mengakibatkan kegagalan syarikat untuk kekal bersaing dalam pasaran kompetitif (Alsmadi *et al.*, 2012). Malah, berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu terdapat lebih kurang 60% PKS menutup perniagaan dalam tempoh masa lima tahun pertama mereka beroperasi (Ahmad dan Seet, 2009; Khalique *et al.*, 2011) akibat kerugian dan peningkatan kos yang terpaksa ditanggung. Selain itu, Laporan Prestasi Tahunan yang dikeluarkan oleh SME Corp. Malaysia bagi suku pertama tahun 2015 menunjukkan jumlah jualan syarikat PKS mencatatkan penurunan sebanyak 10% kepada 39% berbanding 49% pada suku ketiga tahun 2014.

Sehubungan dengan itu, masalah dan pembaziran ini boleh diatasi dengan pelaksanaan amalan pengurusan kejut yang tepat (Lodge dan Bamford, 2007; Dickson *et al.*, 2009; Andres-Lopez *et. al.*, 2015). Perkara telah dipersetujui oleh usahawan e-50 yang telah ditemuramah pada 18 Mac 2014 yang menyatakan bahawa:

“Syarikat kami menghadapi masalah pembaziran seperti pertindihan kerja, tetapi dapat diatasi dengan melaksanakan pengurusan kejut” (Usahawan 1)

“Dengan mengamalkan amalan pengurusan kejut, saya dapati prestasi syarikat bertambah baik...sebelum ini syarikat dari segi pertumbuhannya agak lembap” (Usahawan 2)

Walaupun bagaimanapun, PKS didapati tidak mampu melaksanakan kesemua amalan pengurusan kejut pada satu masa (Achanga *et al.*, 2006; Alsmadi *et al.*, 2012) berbanding syarikat yang besar (White *et al.*, 1999; Shah dan Ward, 2003). Perkara ini disebabkan oleh PKS kekurangan bajet (Mohd Rose *et. al.*, 2009) kekurangan kemahiran dan pengetahuan berkaitan amalan pengurusan kejut. Selain itu, masalah modal insan yang kurang terlatih dimiliki oleh syarikat PKS dalam menginterpretasi amalan pengurusan kejut menyebabkan syarikat PKS menggunakan alat dan teknik kejut yang tidak betul untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Perkara ini akan menyebabkan pekerja kurang yakin dengan sistem kejut (Pavnaskar, Gershenson dan Jambekar, 2003; Arfmann *et. al.*, 2014) dan syarikat pula tidak akan mendapat kesan

optimum daripada pelaksanaan amalan pengurusan kejut (Bhasin dan Burcher, 2006; Mohd Rose *et al.*, 2009).

Oleh itu, bagi memastikan amalan pengurusan kejut dapat dilaksanakan dengan tepat dan betul dalam syarikat PKS, latihan khususnya latihan didapati memainkan peranan menyokong pelaksanaan amalan pengurusan kejut (Bryan Wang, 2011; Arfmann *et. al*, 2014). Malah latihan merupakan salah satu syarat utama dalam memastikan pelaksanaan amalan pengurusan kejut dapat dijalankan dengan jayanya (Wael Hadid, 2012). Selain itu, latihan juga turut menyediakan proses sistematik bagi membolehkan pekerja dalam sesebuah syarikat mempelajari perkara baru, mempertingkatkan kemahiran dan bakat mereka yang akhirnya memberikan keuntungan kepada syarikat (Mohammed, Bhatti dan Jariko, 2012).

Bukan itu sahaja, kejayaan dalam pencapaian prestasi sesebuah syarikat tidak kira kecil atau besar bergantung kepada kualiti sumber manusia yang mereka miliki (Omar *et al.*, 2009; Zakaria dan Che Razak, 2011). Kualiti sumber manusia dalam sesebuah syarikat bergantung kepada sejauhmana pengetahuan diperolehi mereka menerusi latihan dan pendidikan yang diterima. Sehubungan itu, tujuan latihan dilaksanakan adalah untuk melahirkan pekerja yang berkualiti, terlatih, cekap dan berkecekapan dalam menjalankan tugas yang diberikan dan menyumbang kepada pembangunan syarikat serta memastikan matlamat dicapai dengan berkesan dan efisien (Yusof dan Shafiei, 2010).

Namun begitu, berdasarkan sorotan literatur kajian yang mengkaji peranan latihan khususnya latihan dalam kalangan sektor perkhidmatan PKS yang menyokong pelaksanaan amalan pengurusan kejut masih kurang apatah lagi peranannya sebagai mediator dalam hubungan antara amalan pengurusan kejut dengan prestasi syarikat. Oleh hal yang demikian, kajian sistematik perlu dilakukan bagi mengenalpasti amalan pengurusan kejut yang dilaksanakan dalam sektor perkhidmatan PKS Malaysia untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi dan kesannya ke atas prestasi syarikat serta peranan latihan sebagai mediator hubungan antara amalan pengurusan kejut dengan prestasi syarikat. Selari dengan saranan Yang Berbahagia Dato' Haji Ahmad Fadzil Mahmud Mantan Timbalan

Ketua Pengarah 1 Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang menyatakan bahawa perlunya kajian dilakukan kerana kekurangan data empirical di Malaysia.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan memberikan tumpuan untuk mencari jawapan kepada persoalan-persoalan berikut :

- i) Apakah persepsi amalan pengurusan kejut yang dilaksanakan dalam kalangan sektor perkhidmatan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Malaysia?
- ii) Apakah persepsi prestasi syarikat dalam kalangan sektor perkhidmatan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Malaysia yang melaksanakan amalan pengurusan kejut
- iii) Apakah hubungan antara amalan pengurusan kejut dengan prestasi syarikat dalam kalangan sektor perkhidmatan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Malaysia?
